

**SYARAT-SYARAT
PERTANDINGAN LOMPAT TALI
TERBUKA KEBANGSAAN
2026**

Anjuran :

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN
JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA**

Dengan Kerjasama :

**PERSEKUTUAN LOMPAT TALI MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

SYARAT-SYARAT AM PERTANDINGAN LOMPAT TALI TERBUKA KEBANGSAAN TAHUN 2026

1. NAMA

Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Lompat Tali Terbuka Kebangsaan Tahun 2026 .

2. PENGANJUR

- 2.1 Pertandingan ini adalah anjuran Bahagian Pembangunan Sukan, Jabatan Belia Dan Sukan Negara, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia dengan kerjasama Persekutuan Lompat Tali Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 2.2 Jawatankuasa Pengelola Pertandingan yang ditubuhkan adalah terdiri daripada ahli yang dilantik oleh Jawatankuasa penganjur dan bertanggungjawab dengan perkara- perkara dasar dan berhak memutuskan apa-apa kepentingan dalam penganjuran pertandingan ini.
- 2.3 Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa ini adalah muktamad.
- 2.4 Adalah menjadi tanggungjawab penganjur untuk menerangkan secara lengkap dan menjelaskan peraturan pertandingan ini kepada semua peserta dan orang perseorangan yang terlibat dalam pertandingan ini.

3. TARIKH PERTANDINGAN

20hb – 22hb Ogos 2026 (Sila lihat Jadual Pertandingan)

4. YURAN PENYERTAAN PERTANDINGAN

Percuma (Tiada yuran pertandingan dikenakan)

5. TEMPAT PERTANDINGAN

Sunsuria Forum Mall Setia Alam, Shah Alam Selangor.

6. PERATURAN DAN SYARAT AM PERTANDINGAN

Peraturan-peraturan Pertandingan Lompat Tali Terbuka Kementerian Belia dan Sukan Malaysia Peringkat Kebangsaan Tahun 2026 akan diadili melalui satu sistem pemberian markah yang telah diluluskan oleh pihak penganjur.

7. KATEGORI PERTANDINGAN DAN KRITERIA PENYERTAAN

Penyertaan Pertandingan Lompat Tali Terbuka Kebangsaan Tahun 2026 terbuka kepada kumpulan mengikut kategori pertandingan seperti berikut :

7.1 Pertandingan Lompat Tali Berirama

(I) Kategori Sekolah Rendah :

- Penyertaan adalah terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara Malaysia yang berumur 7 tahun – 12 tahun pada tahun 2026
- Terdapat 2 kategori pertandingan iaitu kategori perempuan dan kategori lelaki atau campuran lelaki dan perempuan.
- Setiap peserta tidak dibenarkan mendaftar lebih daripada sekali dalam pertandingan ini,
- Setiap pasukan dikehendaki menghantar 6 orang peserta bertanding, seorang simpanan, seorang Jurulatih dan seorang Pengurus Pasukan (sekiranya perlu) .

(II) Kategori Sekolah Menengah :

- Penyertaan adalah terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara Malaysia yang berumur 13 tahun – 17 tahun pada tahun 2026
- Terdapat 2 kategori pertandingan iaitu kategori perempuan dan kategori lelaki atau campuran lelaki dan perempuan.
- Setiap peserta tidak dibenarkan mendaftar lebih daripada sekali dalam pertandingan ini,
- Setiap pasukan dikehendaki menghantar 6 orang peserta bertanding, seorang simpanan, seorang Jurulatih dan seorang Pengurus Pasukan (sekiranya perlu) .

7.2 Pertandingan Lompat Tali Prestasi Tinggi

(I) Pertandingan Lompat Tali Prestasi Tinggi Figure 8 :

- Penyertaan adalah terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara Malaysia.
- Penyertaan adalah terdiri dari kategori
 1. Sekolah Rendah : 7 – 12 tahun
 2. Sekolah Menengah : 13 – 17 tahun
- Terdapat hanya 1 kategori pertandingan iaitu samaada semua peserta perempuan atau peserta campuran lelaki dan perempuan.
- Setiap peserta tidak dibenarkan mendaftar lebih daripada sekali dalam pertandingan ini,
- Masa Pertandingan adalah selama 1 Minit
- Setiap pasukan dikehendaki menghantar 7 orang peserta bertanding iaitu 5 pelompat dan 2 pemusing tali.
- Kedudukan Permulaan : Kesemua peserta perlu berada di sebelah kanan pemusing tali yang menggunakan tangan kanan untuk memusing tali mengikut arah jam. Peserta perlu masuk dan melompat melepasi tali.

(II) Pertandingan Lompat Tali Prestasi Tinggi Single Rope Speed Relay 4 x 30s :

- Penyertaan adalah terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara Malaysia.
- Penyertaan adalah terdiri dari kategori
 1. Sekolah Rendah : 7 – 12 tahun
 2. Sekolah Menengah : 13 – 17 tahun

- Setiap pasukan dikehendaki menghantar 4 orang peserta bertanding
- Terdapat hanya 1 kategori pertandingan iaitu samaada semua peserta perempuan atau peserta campuran lelaki dan perempuan
- Masa Pertandingan adalah selama selama 30 saat setiap orang
- Setiap peserta tidak dibenarkan mendaftar lebih daripada sekali dalam pertandingan ini,
- Call out boleh di muat turun di laman sesawang www.myjurf.com.my

(III) Pertandingan Lompat Tali Prestasi Tinggi Double Dutch Team Freestyle :

- Penyertaan adalah terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara Malaysia.
- Penyertaan adalah terdiri dari kategori
 1. Sekolah Rendah : 7 – 12 tahun
 2. Sekolah Menengah : 13 – 17 tahun

- Setiap pasukan dikehendaki menghantar 4 orang peserta bertanding
- Terdapat hanya 1 kategori pertandingan iaitu samaada semua peserta perempuan atau peserta campuran lelaki dan perempuan.
- Masa Pertandingan adalah selama selama 45 – 75 saat
- Setiap peserta tidak dibenarkan mendaftar lebih daripada sekali dalam pertandingan ini,

8. SYARAT-SYARAT AM UNTUK SEMUA KATEGORI :

- Penolakan markah bagi "False Start" untuk Pertandingan Lompat Tali Prestasi Tinggi adalah 10 markah
- Semua kumpulan akan bertanding dan mempamerkan persembahan sekali sahaja. Pemenang kumpulan akan dikira dari pungutan markah tertinggi.
- Seorang peserta boleh masuk kesemua acara Berirama dan Prestasi tetapi tidak boleh mendaftar untuk banyak pasukan untuk acara yang sama.
- Peserta boleh mengambil bahagian di dalam mana-mana acara Pertandingan Lompat Tali Berirama atau Prestasi Tinggi untuk mendapatkan sijil penyertaan.
- Penyertaan dibuka kepada sekolah-sekolah seluruh Malaysia. Penyertaan harus didaftar di atas nama sekolah dan sekolah boleh bergabung diantara sekolah di daerah masing-masing sahaja. Penggabungan luar daerah dan negeri adalah tidak dibenarkan sama sekali. Kegagalan mematuhi syarat ini boleh menyebabkan penyertaan pasukan dibatalkan.
- Penyertaan pelbagai kaum adalah digalakkan,

9. PENDAFTARAN

- Setiap pasukan yang menyertai pertandingan berirama dan prestasi tinggi perlu mengisi pautan yang disediakan. Borang asal pendaftaran perlu dibawa semasa pendaftaran pasukan pada hari pertandingan beserta salinan mykad / mykid peserta.
- Penyertaan adalah untuk 150 pasukan yang terawal mendaftar dan penyertaan akan ditutup sekiranya telah mencapai 150 pasukan.
- Tarikh tutup penyertaan adalah pada 30 Julai 2026 atau sebelum melebihi 150 pasukan dan sebarang kelewatan untuk mendaftar tidak akan dibenarkan.

Alamat Pihak Pengelola:

Persekutuan Lompat Tali Malaysia

No 61 Jalan SJ1

Taman Setia Jaya 48000 Rawang Selangor

Tel/Fax : 03-60916101 / Email : myjurf@yahoo.com web : www.myjurf.com.my

10. PERTUKARAN NAMA

- Setiap pasukan tidak dibenar menukar nama peserta yang didaftarkan di Borang Pendaftaran kecuali pada waktu kecemasan dengan sebab-sebab munasabah dan boleh diterima oleh Pengerusi Teknikal. Sekiranya perkara ini berlaku, maka pasukantersebut dikehendaki menghubungi pihak teknikal dalam masa 24 jam secara lisan dan bertulis di mana Pengerusi Teknikal akan menentukan sama ada pertukaran tersebut diterima atau tidak.

11. SUSUNAN PERMULAAN

11.1 Cabutan Undi

- Giliran pasukan akan ditentukan melalui cabutan undi yang akan dibuat semasa taklimat pengurus pasukan pada 10hb Ogos 2026 jam 9.00 malam
- Undi giliran setiap pasukan tidak boleh ditukar. Semua persembahan akan dijalankan mengikut giliran dan masa yang telah ditetapkan.
- Keputusan Jawatankuasa Pengelola adalah muktamad

11.2 Menarik Diri

- Sekiranya pengurus pasukan atau wakil tidak hadir pada mesyuarat dan taklimat pengurus pasukan, pihak jawatankuasa pengelola menganggap mereka telah faham dan memenuhi semua peraturan serta syarat termasuk perubahan (sekiranya ada) dan keputusan yang dicapai dan dipersetujui semasa taklimat / mesyuarat tersebut.

- Sekiranya sesebuah pasukan gagal berada di kawasan kejohanan selepas 1 minit nama pasukan diumumkan, maka pasukan tersebut adalah dianggap telah menarik diri dan penyertaannya dibatalkan untuk pertandingan tersebut.

12. KEMUDAHAN FASILITI

12.1 Kawasan Latihan

- Pihak penganjur tidak menyediakan kawasan latihan dan tiada raptai akan dijalankan. Walau bagaimanapun peserta boleh menjalankan latihan di tempat pertandingan sebelum pertandingan berlangsung

12.2 Kawasan Menunggu

- Kawasan untuk menunggu giliran akan disediakan di sisi “podium” untuk menempatkan jurulatih dan peserta-peserta bagi dua buah pasukan yang akan memberi persembahan seterusnya.

13. KAWASAN PERSEMBAHAN

13.1 Gelanggang Pertandingan

- i. Gelanggang Pertandingan Lompat Tali Berirama adalah berukuran 9m X 9m
- ii. Gelanggang Pertandingan Lompat Tali Prestasi Tinggi Team Speed Relay adalah 5m x 5m
- iii. Gelanggang Pertandingan Lompat Tali Prestasi Tinggi Double Dutch Team Freestyle dan Figure 8 ialah 7m x 7m

13.2 Pembatasan

Peserta, jurulatih dan pengurus pasukan tidak dibenarkan memasuki kawasan menunggu dan kawasan pengadil kecuali dengan kebenaran daripada Jawatankuasa Pengelola. Peserta dan jurulatih dikehendaki menunggu giliran sebagaimana yang ditetapkan dan menunggu isyarat daripada Pengurus Pentas untuk memulakan persembahan. Ketua Hakim berhak membatalkan penyertaan peserta sekiranya didapati tidak memenuhi peraturan ini.

14. PAKAIAN

14.1 Pakaian Peserta

- 14.1.1 Semua peserta dikehendaki berpakaian kemas, bersesuaian dengan budaya negara, menjaga adat ketimuran dan penampilan bersih sepanjang tempoh pertandingan.

- 14.1.2 Peserta dibenarkan memakai “T-Shirt” dan “Track Bottom” atau seluar ‘ tight ” melepasi paras lutut dengan ‘T-Shirt” harus melepasi paras penggung. Kegagalan mematuhi etika pakaian akan menyebabkan peserta / kumpulan tidak dibenarkan untuk bertanding.
- 14.1.3 Penyokongan yang sempurna wajib dipakai oleh lelaki dan wanita.
- 14.1.4 Kasut sukan yang sesuai perlu dipakai dan tidak meninggalkan sebarang kesan kepada lantai pertandingan.
- 14.1.5 Tali kasut hendaklah diikat sempurna.
- 14.1.6 Rambut yang panjang mesti diikat dengan kemas.
- 14.1.7 Barang-barang kemas tidak dibenarkan dipakai dan mesti ditanggalkan sebelum pertandingan bermula.

15. MUZIK

15.1 Muzik Pertandingan

- 15.1.1 Muzik pertandingan Lompat Tali Berirama adalah selama 5 minit akan disediakan oleh pihak penganjur dan akan dipasang secara rawak
- 15.1.2 “Call out” akan digunakan secara standard yang boleh dimuat turun di laman sesawang www.myjurf.com.my
- 15.1.3 Manakala musik Pertandingan Lompat Tali Double Dutch akan disediakan oleh kumpulan bertanding.

15.2 Jangkamasa / Tempoh Persembahan

- 15.2.1 Tempoh masa yang ditetapkan bagi satu pasukan untuk Pertandingan Lompat Tali Berirama ialah maksima 5 minit dan tidak kurang daripada 4 minit
- 15.2.2 Manakala untuk Pertandingan Lompat Tali Speed Relay adalah 4 x 30s, Pertandingan Lompat Tali Double Dutch Freestyle ialah 45 – 75 saat dan Pertandingan Lompat Tali Figure 8 ialah 1 Minit.

16. KELEWATAN

- 16.1 Sekiranya kelewatan berlaku disebabkan oleh bencana alam atau perkara-perkara di luar jangkaan seperti kerosakkan kenderaan pengangkutan dan sebagainya, pasukan yang terlibat hendaklah menghubungi Urusetia Pertandingan dengan seberapa segera dan keputusan mengenai giliran persembahan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal.

17. BANTAHAN

- 17.1 Sebarang bantahan dan rayuan mengenai penganjuran dan keputusan pertandingan TIDAK AKAN DILAYAN.
- 17.2 Semua keputusan yang dibuat oleh Pengelola atau Ketua Pengadil ada muktamad.

18. MAKLUMAT AM

- a. Pihak Jawatankuasa pengelola tidak akan bertanggungjawab dan tidak boleh didakwa atas sebarang kecederaan atau kemalangan sebelum, semasa dan selepas pertandingan
- b. Sekiranya berlaku kecederaan, penganjur atau peserta semasa persembahan diadakan, persembahan tersebut hendaklah diteruskan dengan mengekalkan peserta yang ada di dalam podium. Persembahan boleh dimulakan semula atau diteruskan dari masa diberhentikan mengikut budi bicara Ketua Hakim.
- c. Jawatankuasa Pengelola adalah berkuasa untuk menambah dan memutuskan sebarang perkara yang tidak dinyatakan di dalam peraturan ini
- d. Jawatankuasa Pengelola / Teknikal berhak memutuskan segala masalah teknikal seperti elektrik pintas, podium atau gangguan di tempat persembahan dan masalah lain yang tidak dapat dielakkan agar dapat diuruskan dengan sempurna oleh Jawatankuasa Pengelola.
- e. Keputusan Jawatankuasa Pengelola adalah MUKTAMAD di dalam segala keraguan mengenai peraturan yang telah ditetapkan.

19. HADIAH

- 19.1 Hadiah wang tunai, medal dan sijil akan diberikan kepada pemenang kumpulan untuk tempat pertama, kedua, ketiga dan saguhati

20. LAIN-LAIN SYARAT

- Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan, kecederaan, kematian yang menimpa sebelum, semasa dan selepas pertandingan ini.
- Jawatankuasa Penganjur adalah bertanggungjawab dan mempunyai kuasa untuk menambah dan memutuskan sebarang perkara yang tidak dinyatakan di dalam peraturan ini.
- Keputusan Jawatankuasa penganjur adalah muktamad di dalam segala keraguan mengenai peraturan dan syarat-syarat pertandingan yang telah ditetapkan ini.
- Syarat-syarat Wajib Lompatan adalah mengikut Peraturan dan Syarat Pertandingan Berirama Peringkat kebangsaan yang sedia ada. Untuk menyemak syarat lompatan wajib sila ke laman web www.myjurf.com.my
- Setiap pengurus pasukan digalakkan untuk mengambil Insuran kemalangan peserta kumpulan masing-masing.